



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENEROKAAN PEMERKASAAN MAMPAN MELALUI PROGRAM
KEBAJIKAN PRODUKTIF DALAM KALANGAN USAHAWAN
BIMBINGAN MELAYU MUSLIM DI MALAYSIA***

PUTRI NOORAFEDAH BINTI MEGAT TAJUDIN

IPSAS 2021 2



**PENEROKAAN PEMERKASAAN MAMPAN MELALUI PROGRAM
KEBAJIKAN PRODUKTIF DALAM KALANGAN USAHAWAN BIMBINGAN
MELAYU MUSLIM DI MALAYSIA**

Oleh

PUTRI NOORAFEDAH BINTI MEGAT TAJUDIN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Januari 2021

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENEROKAAN PEMERKASAAN MAMPAN MELALUI PROGRAM
KEBAJIKAN PRODUKTIF DALAM KALANGAN USAHAWAN BIMBINGAN
MELAYU MUSLIM DI MALAYSIA**

Oleh

PUTRI NOORAFEDAH BINTI MEGAT TAJUDIN

Januari 2021

Pengerusi : Profesor Madya Khairuddin bin Idris, PhD
Institut : Pengajian Sains Sosial

Kebajikan produktif adalah satu strategi dasar penamatan bantuan kebajikan (*exit policy*) melalui program yang membangunkan keupayaan individu. Penyertaan dalam program kebajikan produktif sebagai usahawan bimbingan adalah langkah pertama pemerksaan. Namun begitu, untuk mengekalkan pemerksaan selepas berakhirnya program dan tamatnya bantuan kebajikan merupakan satu cabaran kerana latarbelakang mereka yang terdiri daripada komuniti rentan seperti OKU, ibu tunggal dan keluarga miskin. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka proses pemerksaan yang mampan dalam kalangan usahawan bimbingan sebuah program kebajikan produktif menerusi tiga persoalan utama iaitu: Bagaimana pemerksaan dibangunkan semasa mengikuti program kebajikan produktif dalam kalangan usahawan bimbingan? Bagaimana pemerksaan mampan berlaku dalam kalangan usahawan bimbingan selepas menamatkan bantuan kebajikan? Apakah makna pemerksaan mampan dalam kalangan usahawan bimbingan? Kajian Kes Kualitatif ini melibatkan lapan orang responden dari Negeri Sembilan yang dipilih secara persampelan bertujuan daripada Program *2 Years Exit Programme*. Data dikumpul menerusi temu bual mendalam, pemerhatian tidak turut serta, dan analisis dokumen. Data dianalisis dan diberikan kod, kategori dan sub tema bagi setiap tema utama persoalan kajian. Hasil kajian mendapati usahawan bimbingan membangunkan pemerksaan dengan membangunkan nilai-nilai yang diperlukan untuk pemerksaan; membangunkan ciri-ciri usahawan yang berdikari; dan bersikap aktif semasa dalam program. Pemerksaan mampan berlaku dengan mengaplikasikan strategi daya tindak; mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat; dan tadbir urus perniagaan yang cekap. Makna pemerksaan mampan kepada usahawan bimbingan adalah kepuasan membangunkan kehidupan sendiri, kualiti hidup yang meningkat dan keupayaan menjadi usahawan yang altruistik. Pemerksaan mampan melalui proses pemerksaan keusahawanan memerlukan usaha yang konsisten daripada usahawan bimbingan, perancangan dan pelaksanaan program yang mengambil kira kemampuan penerima bantuan, serta sokongan keluarga dan komuniti terhadap kelangsungan perniagaan. Pemerksaan menjadi lebih bermakna apabila penerima bantuan bersedia berdikari,

melepaskan bantuan malahan membantu golongan yang memerlukan. Kesimpulannya, untuk menamatkan kebergantungan bantuan kebajikan melalui program pembangunan pemerksaan memerlukan penglibatan semua pihak, jangka masa yang panjang, dan tertakluk kepada kekuatan sumber daya tindak seperti kerohanian, psikologi, cara berfikir, material, dan modal sosial.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

EXPLORING SUSTAINABLE EMPOWERMENT THROUGH PRODUCTIVE WELFARE PROGRAMME AMONG MALAY MUSLIM GUIDED ENTREPRENEURS IN MALAYSIA

By

PUTRI NOORAFEDAH BINTI MEGAT TAJUDIN

January 2021

Chairman : Associate Professor Khairuddin bin Idris, PhD
Institute : Social Science Studies

Productive welfare is an exit policy of welfare assistance through programs that develop the capabilities of individuals. Their participation in productive welfare programs as guided entrepreneurs is the first step of empowerment. However, to sustain the empowerment after the program and welfare assistance ends is a challenge especially because of the vulnerable communities' backgrounds such as people with disabilities, single mothers and poor family. Thus, this study aims to explore the sustainable empowerment process among the guided entrepreneurs of a productive welfare program via three main questions: How is empowerment developed among the guided entrepreneurs while participating in the productive welfare program? How does sustainable empowerment occur among the guided entrepreneurs? What is the meaning of sustainable empowerment among the guided entrepreneurs? This qualitative case study involved eight respondents from Negeri Sembilan and were selected by purposive sampling from the 2 Years Exit Programme. Data were collected through in-depth interviews, non-participation observations, and documents analysis. Data were analyzed and given codes, categories and sub-themes for each main themes of the research questions. The results of this study showed that guided entrepreneurs develop empowerment by developing the values needed for empowerment; develop the characteristics of an independent entrepreneur; and participate actively while in the program. Sustainable empowerment occurs by applying the coping strategies; practicing lifelong learning; and efficient business governance. The meaning of sustainable empowerment to the guided entrepreneurs are; satisfaction in developing their own lives, improved quality of life and the ability to be an altruistic entrepreneur. Sustainable empowerment through the entrepreneurial empowerment process requires consistent efforts from the entrepreneurs, planning and implementation of programs that take into account the capabilities of welfare beneficiaries, as well as family's and community's support in ensuring the business continuity. Empowerment becomes more meaningful when the welfare beneficiaries are willing to be independent, ends the assistance and even help those in need. In conclusion, to end welfare assistance dependency through

empowerment development programs requires involvement of all parties, long term, and subject to coping resources such as spirituality, psychology, mindset, material, and social capital.



PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH S.W.T YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa-apa yang pada diri mereka” (Surah Ar-Rad:11). “Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. Bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan” (Surah Al- Insyirah: 5 & 6)

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Institut Pengajian Sains Sosial, Jabatan Kebajikan Masyarakat, penyelia tesis yang saya hormati dan kasahi, Profesor Madya Dr. Khairuddin Idris, Dr. Nur Aira Abd. Rahim, dan Profesor Madya Dr. Mohd. Mursyid Arshad. Profesor Madya Dr. Azahari Ismail yang banyak mendorong saya untuk mencabar potensi diri dari tahun 1996 hingga kini. Terima kasih buat Prof. Lateef Krauss atas dorongan. Pengerusi Viva Voce dan para pemeriksa tesis yang telah memberikan komen-komen membina semasa peperiksaan Viva Voce; dan sejuta penghargaan kepada semua responden kajian yang menjadi sumber inspirasi kepada saya dalam mempelajari makna pemerikasaan mampan.

Buat suami dan anak-anak yang dikasahi, Shamsul Akbar bin Sulaiman, Hani Yazlinda, Hannah Khadijah, Husna Safiyah dan Husnina Aisyah, terima kasih atas kesabaran dan sokongan selama empat tahun sebelas bulan ini, semoga anak-anak mama dapat meneruskan pengajian sehingga ke peringkat tertinggi di masa hadapan. Terima kasih buat Mutmainah, pembantu saya yang sabar dan setia mengurus rumah selama perjalanan PhD ini. Buat Almarhum bonda dan ayahanda yang dikasahi, Hajjah Behah binti Abdullah dan Megat Tajudin bin Megat Bahari, Allah telah memakbulkan doa-doa dan cita-cita kalian pada hari ini. Terima kasih kepada semua adik beradik saya; Megat Mohd Hisham, Haslina, Hasnita, Hasnan, Hasliza, Megat Azlan, Putri Salina, Megat Nik Mohd Kamal, Megat Shamsul Bahari, Megat Jeffry, Putri Suriana, Megat Safuan, Megat Syafiq dan bonda-bonda saya, Mama Noorsiah dan Fauziah. Buat keluarga mertua, Haji Sulaiman bin Baharom dan Hajjah Kasmah binti Sidek serta saudara ipar duai saya Zulkeflee dan Azlin, Mazliza dan Azlan, Shahrnizam dan Salmie, Kak Ani dan Abang Lan, serta anak-anak.

Penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan HLP 2016 iaitu Zana, Eira, Teh, Nasz, Shikeen, kumpulan Whatsapp “*PhD Sisters BFFL*”, “*Dr. Chef*”, “*PhD 2016*”, “*PhD Darussalam*”, “*Nvivo Class Dr. Mursyid*”, “*Quali Workshop Dr. Mursyid*”, “*QA 2016 PhD UPM*”, “*Theories of SP*”, “*G-IPSAS*”, “*DCE 5920 Qualitative RM*”, “*DCE6925 2017/2018*”; dan rakan-rakan pemberi dorongan sepanjang masa iaitu Mahyum, Nazmeen, Dr. Senutha, Dr. Aishath Nasheeda, Dr. Ani Ahmad, Dr. Mohd Zaki, Dr. Wan Baharuddin, Zura, Ayu, “*Powerpuff Girls*”, dan “*Pitch Perfect Gals*”. Terima kasih Allah, terima kasih semua!

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Putri Noorafedah binti Megat Tajudin, GS46692

JADUAL KANDUNGAN

| | Muka surat |
|---|------------|
| ABSTRAK | i |
| ABSTRACT | iii |
| PENGHARGAAN | v |
| PENGESAHAN | vi |
| PERAKUAN | viii |
| SENARAI JADUAL | xiv |
| SENARAI RAJAH | xv |
| SENARAI LAMPIRAN | xvi |
| SENARAI SINGKATAN | xvii |
| | |
| BAB | |
| | |
| 1 PENDAHULUAN | 1 |
| Pengenalan | 1 |
| Latar Belakang Kajian | 1 |
| Pernyataan Masalah | 5 |
| Persoalan Kajian | 7 |
| Kepentingan Kajian | 7 |
| Skop dan Limitasi Kajian | 8 |
| Definisi Istilah | 9 |
| | |
| 2 TINJAUAN LITERATUR | 11 |
| Pengenalan | 11 |
| Proses Pembangunan Pemerksaan dalam Kebajikan Produktif | 11 |
| Budaya Kebergantungan Bantuan Kebajikan | 11 |
| Pendekatan Kebajikan Produktif | 12 |
| Teori Pemerksaan Ekonomi dan Kepentingan Penyertaan yang Berkesan | 13 |
| Pemerksaan Ekonomi dan Dasar Pembangunan di Malaysia | 15 |
| Pemerksaan Mampan sebagai Produk Pembangunan Pemerksaan | 16 |
| Teori Pemerksaan Psikologi dan Kaitan dengan Kemampanan Diri | 16 |
| Definisi Pemerksaan Mampan | 17 |
| Kerangka Kerja Penghidupan Mampan | 18 |
| Kompetensi Utama yang diperlukan untuk Kemampanan | 18 |
| Kajian Lampau berkenaan Pemerksaan Mampan | 19 |
| Keusahawanan Bimbingan sebagai Strategi ke arah Pemerksaan Mampan | 21 |
| Teori Motivasi Pencapaian Usahawan | 21 |
| Teori Stres dan Daya Tindak (<i>Stress and Coping Theory</i>) | 22 |
| Keusahawanan dalam Islam | 24 |
| Usahawan Bimbingan | 25 |
| Jurang Kajian Literatur | 27 |
| Faktor Kejayaan Usahawan Bimbingan | 27 |
| Faktor yang Menghalang Kejayaan Usahawan Bimbingan | 28 |

| | |
|---|-----------|
| Kesimpulan | 30 |
| 3 METODOLOGI KAJIAN | 31 |
| Pengenalan | 31 |
| Pendekatan dan Rekabentuk Kajian | 31 |
| Kajian Kes | 32 |
| Aktiviti Sebelum Pengumpulan Data | 33 |
| Persampelan | 33 |
| Penetapan Kaedah Pengumpulan Data | 33 |
| Pengkaji sebagai Instrumen Kajian | 33 |
| Protokol Pengumpulan Data Kajian | 34 |
| Kriteria Pemilihan Responden Kajian | 34 |
| Proses Mendapatkan Kebenaran Menjalankan Kajian | 34 |
| 3.3.7 Etika Menjalankan Kajian | 36 |
| Pengumpulan Data | 36 |
| 3.4.1 Kajian Awalan (Preliminary Study) | 36 |
| 3.4.2 Temu bual Mendalam | 37 |
| 3.4.3 Pemerhatian Tidak Turut Serta | 37 |
| 3.4.4 Analisis Dokumen | 40 |
| Penganalisan Data | 41 |
| 3.5.1 Pengurusan Data | 41 |
| 3.5.2 Kaedah Perbandingan Berterusan (<i>Constant Comparative Method</i>) | 42 |
| 3.5.3 Transkripsi Temu bual | 42 |
| 3.5.4 Jurnal Refleksif | 43 |
| Catatan Nota Lapangan | 43 |
| 3.5.5 Penulisan Memo | 44 |
| 3.5.6 Analisis Dokumen | 45 |
| Proses Pembentukan Tema | 45 |
| Kesahan dan Kebolehpercayaan | 47 |
| Kesahan | 48 |
| 3.6.1 Triangulasi | 48 |
| 3.6.2 Pemeriksaan oleh Pakar Rujuk (<i>Peer Review</i>) | 48 |
| 3.6.3 Pemeriksaan oleh Responden (<i>Member Checks</i>) | 49 |
| 3.6.4 Pengelakan <i>Bias</i> | 50 |
| Ringkasan | 51 |
| 4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN | 52 |
| Pengenalan | 52 |
| Butiran Responden | 52 |
| Profil Responden | 52 |
| Profil Individu Responden | 53 |
| 1. Profil Hakim | 54 |
| 2. Profil Husna | 54 |
| 3. Profil Udin | 55 |
| 4. Profil Diana | 55 |
| 5. Profil Atikah | 56 |
| 6. Profil Aisyah | 56 |
| 7. Profil Amirul | 57 |
| 8. Profil Hilmi | 57 |

| | |
|--|-----|
| Proses Pembangunan Pemerksaan dalam kalangan Usahawan Bimbingan | 58 |
| 1. Membangunkan Nilai-Nilai yang diperlukan untuk Proses Pemerksaan | 59 |
| 1.1 Nilai Keagamaan dan Kepatuhan | 59 |
| 1.2 Nilai Kestabilan Peribadi dan Ikhtiar Hidup | 60 |
| 2. Membangunkan Ciri-ciri Usahawan yang Berdikari | 61 |
| 2.1 Meningkatkan Efikasi Kendiri | 61 |
| 2.2 Mempunyai Orientasi Keusahawanan | 62 |
| 3. Penyertaan Aktif dalam Program | 66 |
| 3.1 Menerima Matlamat Program dengan Berfikiran Terbuka | 66 |
| 3.2 Berkeupayaan Membuat Keputusan dan Komunikasi secara Berkesan | 68 |
| Pemerksaan Mampan dalam kalangan Usahawan Bimbingan | 71 |
| 1. Keupayaan Mengaplikasikan Strategi Daya Tindak | 71 |
| 1.1 Kemampuan Mengawal Tekanan dan Emosi | 72 |
| 1.2 Kebergantungan Penuh dengan Tuhan | 73 |
| 1.3 Mempunyai Kemahiran Berfikir Menyelesaikan Masalah | 74 |
| 1.4 Memanfaatkan Kemahiran Sosial | 76 |
| 1.5 Mempunyai sokongan modal sosial yang bermanfaat | 77 |
| 1.6 Menggunakan Sumber Material dengan Optima | 82 |
| 2. Mengamalkan Pembelajaran Sepanjang Hayat | 84 |
| 2.1 Pembelajaran Melalui Pengalaman (<i>experiential learning</i>) | 84 |
| 2.2 Pembelajaran Secara Sendiri (<i>self-directed learning</i>) | 86 |
| 3. Tadbir Urus Perniagaan yang Cekap | 87 |
| 3.1 Meneroka dan mengurus modal kewangan | 88 |
| 3.2 Mengawal kualiti produk dan perkhidmatan | 91 |
| 3.3 Perniagaan Beroperasi dengan Konsisten | 92 |
| 3.4 Pengurusan Sumber Manusia yang Berhemah | 94 |
| 3.5 Keupayaan Menangani Risiko Perniagaan | 95 |
| Makna Pemerksaan Mampan dalam kalangan Usahawan Bimbingan | 97 |
| 1. Kepuasan Membangunkan Kehidupan Sendiri | 98 |
| 1.1 Kebebasan Daripada Kebergantungan Bantuan Kebajikan | 98 |
| 1.2 Fleksibiliti dalam Mengurus Masa | 100 |
| 1.3 Kebebasan Membuat Keputusan | 101 |
| 2. Kualiti Hidup yang Meningkatkan | 103 |
| 2.1 Keupayaan Memenuhi Keperluan-Keperluan Peribadi | 103 |
| 2.2 Menikmati Perasaan Diterima Komuniti | 105 |
| 2.3 Keupayaan Memenuhi Keperluan-Keperluan Masa Hadapan | 106 |
| 3. Meningkatkan Keupayaan menjadi Usahawan yang Altruistik | 108 |
| 3.1 Keupayaan Untuk Memberi daripada Menerima | 108 |
| 3.2 Mengamalkan Tingkah laku Prosocial | 109 |
| Hasil Analisis Dokumen Program <i>2 Years Exit Programme</i> (2 YEP) | 112 |
| Kerangka Dapatan Kajian | 114 |
| Ringkasan | 117 |

| | |
|--|-----|
| 5 RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN | 118 |
| Ringkasan | 118 |
| Kesimpulan | 119 |
| Implikasi | 120 |
| Implikasi Kepada Teori | 121 |
| Implikasi Kepada Praktis | 121 |
| Cadangan | 122 |
| Cadangan Praktis | 122 |
| Cadangan Kajian Masa Hadapan | 125 |
| Penutup | 127 |
| RUJUKAN | 128 |
| LAMPIRAN | 153 |
| BIODATA PELAJAR | 187 |
| SENARAI PENERBITAN | 188 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | | Muka surat |
|--------|--|------------|
| 1 | Jenis Skim Bantuan Kebajikan dan Kadar Bantuan yang diberikan JKM | 3 |
| 2 | Tipologi Penyertaan: Bagaimana orang ramai mengambil bahagian dalam program dan projek pembangunan | 14 |
| 3 | Kompetensi Utama yang diperlukan untuk Kemampanan | 19 |
| 4 | Tarikh Temu bual dan Pemerhatian yang dijalankan semasa Kajian Rintis dan Sebenar | 39 |
| 5 | Langkah-Langkah Pembentukan Tema | 46 |
| 6 | Profil Responden Kajian | 53 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | | Muka surat |
|--------------|---|-------------------|
| 1 | Kerangka kerja Penghidupan Mampan (<i>Sustainable Livelihoods Framework</i>) | 18 |
| 2 | Model Keusahawanan dan Perniagaan Islam | 25 |
| 3 | Model Proses Keusahawanan Bimbingan (Model Timmons) | 26 |
| 4 | Pembangunan Pemerksaan dalam kalangan Usahawan Bimbingan Program Kebajikan Produktif di Malaysia | 70 |
| 5 | Pemerksaan Mampan dalam kalangan Usahawan Bimbingan Program Kebajikan Produktif di Malaysia | 97 |
| 6 | Makna Pemerksaan Mampan dalam kalangan Usahawan Bimbingan Program Kebajikan Produktif di Malaysia | 112 |
| 7 | Kerangka Dapatan Kajian Pemerksaan Mampan dalam kalangan Usahawan Bimbingan Melayu Muslim di Malaysia | 116 |

SENARAI LAMPIRAN

| Lampiran | Muka surat | |
|----------|--|-----|
| A | Protokol Temu bual Usahawan Bimbingan Program 2 YEP | 153 |
| B | Protokol Pemerhatian Tidak Turut Serta | 155 |
| C | Surat Permohonan Kebenaran Pengumpulan Data Kajian Penyelidikan Doktor Falsafah (PhD) | 156 |
| D | Surat Kelulusan Menjalankan Kajian/ Penyelidikan di Jabatan Kebajikan Masyarakat | 157 |
| E | Borang Penerangan dan Persetujuan Responden | 158 |
| F | Rekod Daftar Dokumen untuk Pengumpulan Data melalui Kaedah Analisis Dokumen untuk Kesemua Responden | 161 |
| G | Contoh Kaedah Pengkodan Berwarna mengikut Persoalan Kajian daripada Transkrib Temu Bual Responden | 168 |
| H | Contoh Data daripada Dokumen yang Dianalisis dan Jurnal Refleksif yang memaparkan Memo Temu Bual dan Catatan Nota Lapangan semasa Pemerhatian Tidak Turut Serta | 169 |
| I | Senarai Dokumen yang Dianalisis | 171 |
| J | Pembangunan Kod, Kategori, Sub Tema dan Tema mengikut Persoalan Kajian merangkumi Data Triangulasi (Transkrip Temu Bual, Pemerhatian Tidak Turut Serta dan Analisis Dokumen) | 172 |
| K | Pengesahan Responden (<i>Member Checks</i>) oleh Semua Responden | 180 |
| L | Pengesahan Responden (<i>Member Checks</i>) yang ditulis oleh salah seorang Responden pada 15 Mac 2020 | 181 |
| M | Jejak Audit | 182 |
| N | Ringkasan Metodologi dan Kronologi Kajian | 186 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|----------|--|
| 2 YEP | <i>2 Years Exit Programme</i> |
| OECD | Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan, <i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i> |
| SDG | Matlamat Pembangunan Mampan, <i>Sustainable Development Goals</i> |
| UN | Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, <i>United Nations</i> |
| UNDP | Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, <i>United Nations Development Program</i> |
| UNHCR | Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian, <i>United Nations High Commissioner for Refugees</i> |
| JKM | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| KPWKM | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat |
| PSH | Pembelajaran Sepanjang Hayat |
| ESD | Pendidikan untuk Pembangunan Mampan, <i>Education for Sustainable Development</i> |
| UNESCO | <i>United Nations Educational Scientific and Cultural Organization</i> |
| DEB | Dasar Ekonomi Baharu |
| SSE | Ekonomi Sosial dan Perpaduan, <i>Social and Solidarity Economy</i> |
| SLF | Sustainable Livelihoods Framework |
| AKPK | Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit |
| COVID-19 | Novel Coronavirus, <i>Coronavirus Disease</i> |
| DKN | Dasar Keusahawanan Nasional |

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Sejak dahulu lagi, kemiskinan adalah satu isu global yang sukar diselesaikan kerana bersifat relatif dan multidimensi. Sehingga kini, kemiskinan masih lagi menjadi fenomena yang mendapat perhatian pelbagai pihak. Menurut Siti Zalikha et al. (2018), Bank Dunia (2005) mendefinisikan kemiskinan sebagai kelaparan, kekurangan peluang, kekurangan pilihan, pendidikan, kesihatan, aset produktif, terdedah kepada risiko dan kelemahan. Menurut laporan yang sama juga, setiap negara mempunyai dasar pembangunan komuniti dan dasar kebajikan untuk mengurangkan kemiskinan dan mencapai pembangunan.

Strategi dan program anti kemiskinan adalah komponen asas kesejahteraan di 36 negara anggota Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD). Pelan tindakan termasuk pelbagai program pembasmi kemiskinan di peringkat antarabangsa, seperti *Sustainable Development Goals (SDG)* yang menggariskan 17 sasaran yang mana sasaran pertama adalah untuk menangani kemiskinan menjelang tahun 2030 (United Nations Development Programme, 2016). Penyertaan yang aktif oleh komuniti miskin dalam program-program pembasmian kemiskinan adalah salah satu faktor yang mempengaruhi kejayaan pembangunan komuniti (Solahuddin, 2016). Komuniti miskin ini diperkasakan di dalam program-program berbentuk keusahawanan dengan membangunkan keupayaan mereka menjana pendapatan isirumah yang lebih stabil dan mencukupi (Jaganathan, 2016; Zakiah & Norzalinda, 2017).

Namun demikian, apa yang paling penting adalah memastikan pemeraksanaan yang dikecapi itu bertahan lama melangkaui generasi seperti yang dicadangkan oleh Olarewaju dan Gabriel (2018) bahawa dasar dan program pembasmian kemiskinan yang dirancang hendaklah memfokuskan matlamat jangka sederhana dan panjang demi pertumbuhan ekonomi mampan komuniti miskin. Ini penting bagi mengelakkan peluasan sindrom kebergantungan bantuan dan menamatkan mentaliti kebajikan dalam kalangan orang miskin. Sehubungan itu, bab ini akan menerangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan limitasi kajian, serta definisi istilah yang berkaitan.

Latar Belakang Kajian

Dalam bidang pembangunan komuniti, pembangunan mampan boleh diterangkan sebagai satu produk jangka panjang yang terhasil daripada proses pemeraksanaan yang melibatkan aktiviti yang produktif (Singh & Titi, 2001, dalam Bukowski & Kreiss, 2021). Ini diterangkan dengan lebih lanjut iaitu dimana pembangunan dilihat sebagai

sebuah produk yang terhasil daripada strategi penyertaan dan proses pemerksaan jangka masa panjang (Jaganatham 2016). Oleh itu, pengurangan kebergantungan berterusan terhadap bantuan kebajikan boleh dicapai melalui inisiatif pemerksaan komuniti rentan sehingga mereka menjadi berautonomi dan berkeupayaan untuk satu jangka masa panjang (Hlahla et al., 2016; Zurinawaty et al., 2020). Dari segi bahasa, kemampuan adalah keupayaan mengekalkan pencapaian atau prestasi yang baik (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015). Kemampuan juga bermaksud kemungkinan sesebuah komuniti mengekalkan pencapaian selepas mendapat sokongan yang diberikan oleh kerajaan bagi memastikan perlindungan dan penyelesaian yang berkesan (United Nations High Commissioner for Refugees, 2008).

Strategi dasar penamatan bantuan kebajikan atau *exit policy* amat sensitif untuk dibincangkan. Ini adalah kerana matlamat kebajikan itu sendiri adalah sebagai bantuan terhadap sara hidup komuniti rentan (*vulnerable*) dan komuniti terpinggir (*marginalised*). Manakala, matlamat pemerksaan adalah untuk membantu komuniti yang miskin dan terpinggir ini untuk memahami keadaan mereka sendiri dan mencapai lebih banyak keupayaan dalam hidup (Rappaport, 1981). Percanggahan matlamat di antara pemerksaan dan kebajikan mendorong kepada reformasi dasar kebajikan iaitu kebajikan produktif. Namun demikian, tidak banyak kajian terkini yang membincangkan pendekatan kebajikan produktif ini dalam konteks perspektif usahawan bimbingan, khususnya di Malaysia. Bagaimana kebajikan produktif sebagai satu *exit policy* membantu komuniti rentan di Malaysia keluar daripada status penerima bantuan dan mencapai kehidupan yang mampan. Konsep atau teori yang khusus mengenai “pemerksaan mampan” sebagai satu produk pemerksaan juga tidak banyak dikupas dengan mendalam, terutama dalam konteks usahawan bimbingan program bantuan kebajikan.

Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2018 melaporkan daripada 486,858 individu penerima bantuan, kaum yang paling ramai adalah kaum Melayu (55%) diikuti Cina (16%), India (11%), Orang Asli (16%) dan Lain-lain (2%) (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2018). Kajian Keberkesanan Bantuan Kewangan JKM oleh Sharifah Norazizan et al. (2017) terhadap 5,019 responden juga melaporkan majoriti penerima bantuan yang menyertai kajian tersebut majoritinya adalah kaum Melayu (64%). Oleh itu, secara amnya boleh dikatakan penerima bantuan kebajikan terbanyak adalah terdiri daripada kaum Melayu. Namun begitu, perkhidmatan bantuan kewangan oleh JKM ini disediakan untuk semua komuniti rentan tanpa mengira kaum supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna. Pemberian bantuan ini juga menilai potensi kemampuan hidup berdikari yang ada pada setiap penerima bantuan. Skim bantuan kebajikan hanya bertindak sebagai alat sementara dalam proses membantu penerima bantuan ke arah pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) yang merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia (KPWKM) turut menjalankan sebuah program usahawan bimbingan di bawah Program Kebajikan Produktif iaitu Program *2 Years Exit Programme* (2 YEP) untuk memperkasakan penerima bantuan yang masih produktif. Sebagai salah satu agensi

kerajaan dengan visi “Peneraju Utama Kebajikan dalam Pembangunan dan Kesejahteraan Masyarakat”, JKM melaksanakan misi jabatan iaitu memperkasa masyarakat yang memerlukan ke arah kesejahteraan sosial. Diantara strategi JKM ialah dengan mengoptimumkan keupayaan, potensi diri dan kesejahteraan kumpulan sasar jabatan melalui program pembangunan pemeraksanaan (Khairul Amri, 2015).

Oleh yang demikian, dalam pencarian program yang dapat menerangkan fenomena kemampuan hidup berdikari tanpa bantuan dan mempertahankannya untuk satu tempoh panjang, pengkaji tertarik dengan konsep Program 2 YEP untuk dijadikan konteks kajian. Program ini dapat dijadikan contoh kes bagaimana pemeraksanaan mampan dicapai iaitu dengan tamatnya kebergantungan bantuan kewangan JKM oleh responden yang memenuhi kriteria kajian selepas lebih 5 tahun tamat program. Program 2 YEP merupakan satu *exit plan* dengan menyalurkan bantuan tunai bersyarat secara *one-off* bernilai RM2700 kepada penerima bantuan yang layak menyertai. Bantuan tersebut adalah sebagai suntikan modal perusahaan dan seterusnya dibimbing dan dipantau selama 2 tahun supaya peserta program ini berjaya meningkatkan keupayaan diri dan akhirnya menamatkan kebergantungan bantuan bulanan kebajikan (Bahagian Kebajikan Produktif, 2016). Namun begitu, penyertaan terhad kepada penerima bantuan yang memenuhi kelayakan dan bersetuju untuk menyertai. JKM menyediakan skim perkhidmatan bantuan kebajikan berbentuk kewangan secara bulanan, *one-off* dan berdasarkan kes. Terdapat lapan (8) jenis skim bantuan yang dikreditkan ke akaun penerima bantuan setiap bulan, dua (2) jenis *one-off* dan dua (2) jenis berdasarkan kes (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021). Jadual 1 menunjukkan jenis skim bantuan kebajikan dan kadar bantuan yang diberikan.

Jadual 1 : Jenis Skim Bantuan Kebajikan dan Kadar Bantuan yang diberikan JKM

| Jenis Skim Bantuan Kebajikan | Kadar Bantuan sebulan seorang (RM) | Kadar Maksimum sebulan sekeluarga (RM) |
|---|---|--|
| Bantuan Kanak-Kanak (BKK) | 150 | 1000 |
| Elaun Pekerja Cacat (EPC) | 450 | Tiada had |
| Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) | 300 | Tiada had |
| Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT) | 500 | Tiada had |
| Bantuan Orang Tua (BOT) | 500 | Tiada had |
| Bantuan Am Persekutuan (BA) | 100 | 350 |
| Bantuan Anak Pelihara (BAP) | 250 | 500 |
| Bantuan Latihan Perantis (BLP) | 200 | Tiada had |
| Bantuan Geran Pelancaran (GP): | 2700 | |
| Program 2 <i>Years Exit Programme</i> (2 YEP) | (Pemberian secara <i>one-off</i>) | |
| Tabung Bantuan Segera (TBS) | 300 (Pemberian secara <i>one-off</i>) | |
| Bantuan Alat Tiruan/ Alat Sokongan (BAT) | Mengikut harga sebenar yang telah ditetapkan | |
| Tabung Bantuan mangsa serangan binatang buas | Maksimum 20,000 bagi kes kematian/ kehilangan upaya kekal | |

Program 2 Years Exit Programme (2 YEP)

Kebergantungan yang tinggi oleh penerima bantuan kepada bantuan kewangan bulanan merupakan satu kerisauan kepada JKM. Oleh itu, sebuah projek rintis Program 2 Years Exit Programme (2 YEP) iaitu sebuah program pembangunan pemerksaan telah dijalankan pada tahun 2014 sehingga 2016. Tujuan Program 2 YEP adalah “sebagai satu *exit policy* untuk menggalakkan penerima bantuan Jabatan yang produktif agar berdikari melalui penglibatan secara aktif dalam pekerjaan atau program menjana pendapatan tanpa bergantung kepada bantuan sebagai saraan hidup.” (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2014). Pemilihan peserta program adalah bergantung kepada faktor umur, kesihatan, keupayaan bekerja (keutamaan kepada yang telah memulakan perniagaan) dan penerima skim bantuan EPC, BKK dan BA sahaja. Antara jenis projek yang terlibat adalah seperti kedai/ gerai makan dan minum, kedai runcit, jahitan, perkhidmatan seperti solekan dan urutan, pertanian, makanan proses sejuk beku, roti, kek dan pastri. Projek rintis tersebut telah dijalankan di Negeri Sembilan dan Perlis melibatkan seramai 503 orang peserta. Akhirnya, pada tahun 2016, seramai 48 orang peserta projek rintis telah berjaya menamatkan bantuan iaitu 45 orang daripada Negeri Sembilan dan tiga orang daripada negeri Perlis dan ini menyumbang kepada penurunan peruntukan sebanyak RM1.52 juta (0.025%) berbanding tahun 2015 (Khairul Amri, 2019).

Jumlah penerima bantuan kewangan pada tahun 2016 juga menurun sebanyak 6 peratus kepada 462,322 orang berbanding 492,067 orang pada tahun 2014 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016a). Pencapaian ini walau pun kecil, antara lain telah disumbangkan oleh projek rintis Program 2 YEP. Kemudian, seiring dengan perancangan RMKe-11, Program 2 Years Exit Programme (2 YEP) telah mula diperluaskan di peringkat nasional pada tahun 2016 dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016b). Terkini, Laporan Pergerakan Pendapatan Peserta 2 YEP 2019 mencatatkan seramai 987 orang penerima bantuan telah menamatkan kebergantungan bantuan bulanan iaitu sebanyak 28.2 peratus daripada 3,504 penerima bantuan yang menyertai program semenjak 2016 hingga 2019 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020b). Pencapaian ini masih rendah berbanding kos program yang dibelanjakan kerajaan Malaysia, namun begitu ia menunjukkan kenaikan yang ketara dari sudut pemerksaan penerima bantuan. Sehubungan itu, bagi mendapatkan gambaran yang lebih tepat dan mendalam serta mempelajari bagaimana untuk menyumbang kepada pembangunan komuniti dengan cara pemerksaan yang mampan, pengkaji terpanggil untuk meneroka pengalaman bekas peserta Program 2 YEP rintis yang telah berjaya memperkasakan diri mereka dan seterusnya menamatkan bantuan kebajikan sehingga kini.

Analisis kajian projek rintis Program 2 YEP oleh Sharifah Norazizan et al. (2017) antaranya mencadangkan JKM memberi sokongan yang berterusan dalam pengurusan dan pelaksanaan Program 2 YEP. Kemudian, Program 2 YEP diteruskan dan diperluaskan di seluruh negara dengan peningkatan pencapaian iaitu 722 orang peserta daripada 2,505 orang (28.8 peratus) berjaya ditamatkan bantuan semenjak projek rintis 2014 sehingga 2019 (Khairul Amri, 2019). Ini membuktikan proses pemerksaan melalui program pembangunan modal insan seperti 2 YEP semakin berjaya mencapai matlamatnya. Namun begitu, ini tidak membuktikan jangka hayat pemerksaan yang

berkesan kerana bila-bila masa mereka mungkin kembali memohon bantuan kebajikan jika hilang mata pencarian.

Justeru, persoalan utama yang memandu kajian ini adalah bagaimana usahawan bimbingan Program 2 YEP memastikan pemerksaan mereka mampan? Kajian oleh Noraida et al. (2018) mendapati setelah Program 2 YEP diperluaskan ke seluruh Malaysia, seramai 575 orang peserta Program 2 YEP telah berjaya ditamatkan dari menerima bantuan JKM, manakala sebanyak 40.5% peserta telah menjana pendapatan melebihi Paras Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM980. Hasil kajian tersebut juga menunjukkan seramai 910 orang peserta Program 2 YEP mampu menggajikan seramai 1,382 pekerja dan secara keseluruhannya Program 2 YEP fasa 1 (2014-2016) telah berjaya menjimatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM1.9 juta setahun. Namun begitu, kajian tersebut tidak menerangkan bagaimana fenomena penamatan kebergantungan bantuan kewangan ini berlaku daripada pengalaman peserta Program 2 YEP sendiri kerana ia dijalankan secara deskriptif dan kuantitatif. Oleh yang demikian, bagaimana penerima bantuan mencapai pemerksaan dan berusaha mengekalkannya adalah sesuatu yang sangat menarik untuk dikaji.

Pernyataan Masalah

Kemiskinan secara langsung telah mempengaruhi budaya kebergantungan bantuan kebajikan. Sama ada penerima bantuan kebajikan ingin kekal hidup dalam zon selesa dengan bergantung kepada bantuan; atau komited untuk memperbaiki kehidupan mereka dan seterusnya menamatkan bantuan. Namun begitu, walaupun terdapat pelbagai kekangan yang berpunca daripada kemiskinan dan kerentanan, seorang penerima bantuan kebajikan yang masih produktif perlu berusaha mengenal pasti peluang-peluang yang ada, mengumpulkan apa sahaja sumber yang ada, dan mencari jalan untuk tidak selamanya bergantung dengan bantuan. Oleh itu, bagi penerima bantuan kebajikan yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan, mereka perlu mengambil peluang untuk mendapatkan bimbingan keusahawanan, bantuan modal kewangan dan berusaha untuk memperkasakan diri mereka dengan memajukan perniagaan yang dijalankan (Dass, 2015; Jaganathan, 2016; Khairul Amri, 2019). Di Malaysia, terdapat pelbagai program pemerksaan yang dijalankan melalui bidang keusahawanan dengan matlamat untuk membimbing komuniti miskin dan rentan keluar dari kemiskinan. Laporan daripada Akhbar BERNAMA (“Rangka Kerja Keusahawanan Nasional dilancar Julai”, 2019) mengatakan bahawa kerajaan Malaysia memperuntukkan RM13.02 bilion untuk melaksanakan 162 program pembangunan PKS melalui 17 kementerian dan lebih daripada 60 agensi kerajaan di bawah Pelan Tindakan Bersepadu PKS (“Rangka Kerja Keusahawanan Nasional dilancar Julai,” 2019).

JKM sebagai agensi yang bertanggungjawab menangani isu kebajikan masyarakat turut terlibat dalam membangunkan usahawan bimbingan melalui pendekatan kebajikan produktif. Matlamat kebajikan produktif adalah untuk mempertingkatkan taraf sosioekonomi penerima bantuan ke arah hidup berdikari. Mulai tahun 2014, JKM telah memulakan program *2 Years Exit Programme* (2 YEP) bagi menamatkan budaya kebergantungan bantuan kebajikan sebagai mekanisme dasar penamatan bantuan

kebijakan. Melalui pelaksanaan Program 2 YEP, keupayaan sara diri peserta yang menjalankan aktiviti keusahawanan dipertingkatkan. Namun begitu, ia bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai. Ini dibuktikan oleh hasil kajian Sharifah Norazizan et al. (2017) yang mendapati antara faktor yang menjejaskan pencapaian Program rintis 2 YEP (2014-2016) adalah disebabkan kebanyakan penerima bantuan tidak tahu mengenai program tersebut, tidak berhasrat untuk keluar daripada skim bantuan, dasar penamatan (*exit policy*) yang tidak jelas dan tidak ada pemakluman awal sebelum ditamatkan daripada skim bantuan. Kajian tersebut juga melaporkan peserta Program 2 YEP yang mempunyai tahap pendidikan dan kemahiran yang rendah memerlukan lebih banyak masa untuk bersedia dan melengkapkan diri untuk berdikari sebagai usahawan.

Kebanyakan penerima bantuan kebijakan menjalankan aktiviti keusahawanan mikro, kecil dan sederhana sebagai aktiviti kelangsungan hidup mereka. Di Malaysia, sebanyak 77 peratus perusahaan PKS adalah usahawan mikro, dan biasanya mana-mana perusahaan menjadi matang selepas lima tahun beroperasi (Bank Negara Malaysia, 2019). Data daripada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (2012) mendapati terdapat 42% perusahaan yang gagal meneruskan perniagaan mereka melebihi lima tahun selepas penubuhan. Antara faktor yang mempengaruhi kegagalan tersebut adalah dasar-dasar kerajaan dan sokongan kewangan yang kurang dinamik; serta usahawan kurang cekap mengurus sumber yang ada (Asfaw, 2016). Kebanyakan program keusahawanan bimbingan juga kurang berjaya membasmi kemiskinan disebabkan kekurangan sokongan, latihan dan pendidikan yang berterusan terutama daripada agensi kerajaan sebagai penganjur program (Azizan et al., 2017); usahawan kurang memanfaatkan sumber luaran dan dalaman, tahap penyertaan usahawan yang pasif dan rendah, masalah memindahkan kuasa daripada penganjur program kepada usahawan (Steiner & Farmer, 2018); usahawan kurang berkeupayaan, mempunyai masalah infrastruktur kerana lokasi luar bandar yang terpencil, serta pendekatan *top-down* yang tradisional (Clark et al., 2019).

Kemampuan perniagaan menurut Asfaw (2016) adalah peningkatan usia perniagaan yang seiring kemajuan perniagaan, dan ini yang dikatakan kemampuan jangka panjang sesuatu perusahaan. Kemampuan usahawan PKS dalam perniagaan menjadi satu isu dan cabaran terutama kepada pelabur seperti agensi kerajaan dan swasta. Kajian oleh Noraida et al. (2018) terhadap keberhasilan Program 2 YEP setelah diperluaskan ke seluruh negara mendapati seramai 575 orang responden daripada 604 orang (95.2%) telah berjaya ditamatkan dari menerima bantuan JKM, manakala 40.5% responden telah berjaya menjana pendapatan melebihi RM980 iaitu Paras Garis Kemiskinan (PGK) semasa. Hasil kajian juga menunjukkan seramai 910 orang peserta Program 2 YEP mampu menggajikan seramai 1,382 pekerja dan secara keseluruhannya Program 2 YEP fasa 1 (2014-2016) telah berjaya menjimatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM1.9 juta setahun.

Namun begitu, disebabkan kajian-kajian tersebut dijalankan secara deskriptif dan kuantitatif, maka ia tidak menerangkan bagaimana fenomena penamatan kebergantungan bantuan kewangan ini berlaku daripada naratif peserta Program 2 YEP yang sanggup melepaskan bantuan secara sukarela. Begitu juga dengan kemampuan

mereka sebagai usahawan untuk meneruskan kelangsungan hidup tanpa menunggu bantuan kebajikan yang diterima setiap bulan sebelum ini. Oleh yang demikian, pengalaman penerima bantuan yang telah melalui sendiri proses pemerksaan dalam program kebajikan produktif dan kemudian berusaha mengekalkan pemerksaan tersebut adalah sesuatu yang penting untuk dikaji. Namun begitu, pada masa ini terdapat kelompongan dalam kajian berkaitan pemerksaan usahawan bimbingan yang bergantung kepada bantuan kebajikan, terutama selepas telah melalui proses pemerksaan dan bantuan ditamatkan. Oleh itu fenomena pemerksaan yang mampu bertahan lama selepas melalui proses pemerksaan perlu dikaji dan diperluaskan bagi membantu pelaksanaan program yang lebih berkesan di masa hadapan. Sehubungan itu, kajian ini telah menyumbang kepada satu perspektif baharu di dalam bidang pembangunan komuniti yang mana ia menggabungkan pemerksaan sebagai satu proses dan pemerksaan mampan sebagai satu produk. Justeru, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk meneroka proses pemerksaan mampan daripada pengalaman usahawan bimbingan sebuah program kebajikan produktif di Malaysia.

Persoalan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka dan menerangkan fenomena pemerksaan mampan dalam kalangan peserta Program *2 Years Exit Programme* (2 YEP) yang merupakan bekas penerima bantuan kebajikan JKM. Secara umum, kajian ini cuba menjawab tiga persoalan utama iaitu:

1. Bagaimana pemerksaan dibangunkan semasa mengikuti program kebajikan produktif dalam kalangan usahawan bimbingan?
2. Bagaimana pemerksaan mampan berlaku dalam kalangan usahawan bimbingan selepas menamatkan bantuan kebajikan?
3. Apakah makna pemerksaan mampan dalam kalangan usahawan bimbingan?

Kepentingan Kajian

